

Mahathir setanding dengan pemimpin2 dunia lain

(P)

MM 4 NOV 1984

ASIA telah melahirkan para pemimpin terbaik dunia yang diakui mempunyai pengaruh dan kaya dengan idea-idea bermutu tinggi.

Antaranya Indira Gandhi dari India, Mao Tse-tung dari China, Sukarno dari Indonesia, Ali Jinnah dari Pakistan, Ho Chi Minh dari Vietnam, Lee Kuan Yew dari Singapura, Jose Rizal dari Filipina dan ramai lagi.

Pemimpin Asia yang diakui masa kini adalah Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Kini nama Datuk Sri Dr. Mahathir, Mohamad bagaikan anak singa Melayu begitu nyaring dibunyikan orang, oleh kawan mahu pun lawan.

Apa yang dilakukan oleh Mahathir Mohamad di Malaysia berlandaskan nasionalisme demokrasi.

Bukan saja beliau merupakan orang kuat dari parti yang berkuasa di negaranya tetapi dikenali sebagai tokoh yang membawa pembaharuan.

Pembaharuannya berkonsepkan nyata dan berani. Dari tradisi Melayu di bawah konservatisme Inggeris, Mahathir menembus jalannya. Nasionalisasi dalam keupayaan ekonomi, perdagangan, pendidikan dan politik ber-

jalan seiring dengan demokrasi rakyat.

Tapi zaman anak Melayu bangkit bersama bangkitnya Islam mahu tidak mahu harus mencatat keberanian Mahathir selain dari diplomasinya yang fragmentaris.

Selain dari membatalkan kaedah lama dalam hubungan dengan Inggeris di Malaysia, Mahathir masih berjalan terus.

Beliau selalu mengkritik tajam dan pedas terhadap negara-negara maju. Semasa berucap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Mahathir, anak Melayu masakini menunjukkan pula pendapatnya yang kontras dan tajam.

Ia mengkritik negara maju yang hanya mementingkan diri sendiri dan tidak melaksanakan kata dan perbuatan.

Antara lain beliau menekankan:

Mereka membentuk kelab ekonomi yang kadang kala mengundang negara berkembang untuk dialog, yang sesungguhnya hanya diminta menyembah. Kelab eksklusif ini pada hakikatnya untuk kepentingan diri sendiri.

Mahathir juga menyentuh tentang muslihat perdagangan bebas negara maju dengan mengatakan bahawa sesungguhnya "hanya perkataan tanpa perbuatan."

Menurut beliru, barang-barang ha-

sil negara berkembang dihadkan ke-masukannya ke negara mereka, bahkan Mahathir juga mengkritik AS yang mengancam akan meninggalkan PBB.

Apakah keperluan sekarang hanya diperolehi dari negara besar dan maju sahaja? Tanya beliau. Negara kecil juga turut memikul biayanya, tambah beliau lagi.

Kenapa harus menghancurkan badan dunia yang sudah ada ini, bukankah baik jika sama-sama memperbaiki? Kritik ini dianggap sebagai kritik Mahathir terhadap AS yang mengancam akan keluar dari UNESCO.

Mahathir-anak Melayu yang bangkit berdasarkan Islam tidak lupa pula mengingatkan agar jangan memandang cemas kepada kebangkitan Islam.

Sebaliknya Yahudi dan Kristian pun memahami kebangkitan itu demi keselamatan dunia. Jangan mempunyai prasangka buruk terhadap revolusi Islam yang digembar-gemburkan oleh zionis.

Dengan pendapatnya yang kontra dan luas ini, Mahathir bukan lagi hanya "memiliki" Malaysia atau Asia malah setanding dengan para pemimpin dunia yang lain. - Buana Minggu.